



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

**SEMESTER I**

**SESI 2011/2012**

NAMA KURSUS	:	KENEGARAAN DAN PEMBANGUNAN MUTAKHIR MALAYSIA
KOD KURSUS	:	UWS 10103/UMS 1113
PROGRAM	:	1      BDD/BEB/BEC/BED/BEF/BEH/ BEU/BFF/ BPA/BPD 2      BDD/BEB/BEC/BEH/BFF/BPA/ BPC/BPD 3      BDD/BPA/BPB/BPC 4      BDD/BPA
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN  B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALANINI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA PULUH TIGA (23) MUKA SURAT

**S1** Kuasa, hak, merdeka dan maruah adalah tanda

- A kebebasan
- B kedamaian
- C kebangsaan
- D kesejagatan

**S2** Kuasa tertinggi dalam pemerintahan negara ialah

- A Majlis Raja-Raja
- B Perdana Menteri
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Perlumbagaan Persekutuan

**S3** Mengapa kedaulatan sesebuah negara sangat penting?

- A Menjamin negara bangsa yang kuat
- B Menjaga martabat bangsa dan negara
- C Menyekat perkembangan kuasa besar
- D Menjamin perpaduan dan kesejahteraan rakyat

**S4** Apakah elemen yang penting dalam sesebuah negara?

- A Kerajaan, kedaulatan, rakyat, tanah dan sempadan
- B Kerajaan, kemakmuran, rakyat, tanah dan sempadan
- C Kerajaan, kedaulatan, bangsa, rumah dan sempadan
- D Kerajaan, kedamaian, keharmonian, bangsa dan sempadan

**S5** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep kerajaan?

- A Satu rangkaian institusi yang mentadbir negara
- B Satu rangkaian institusi yang memodenkan sistem pentadbiran
- C Satu rangkaian institusi yang membuat dan melaksanakan dasar
- D Satu rangkaian institusi yang menyelaras usaha-usaha pembangunan

**S6** Kepentingan **utama** masyarakat Melayu tradisi dalam proses pembentukan negara dan bangsa Malaysia sebagai

- A     satu sejarah dan kegembilangan negara di masa lampau
- B     rujukan utama bagi sistem pemerintahan dan perundungan negara
- C     satu lambang bagi pembentukan jati diri bagi seluruh rakyat Malaysia
- D     asas dan teras pembentukan sistem politik dan kemasyarakatan Malaysia

Soalan 7 berdasarkan Jadual 1 di bawah

Jadual 1

Kerajaan A	Kerajaan B
• Gangga Negara	• Perlak
• Kuala Selinsing	• Samudera
• Jenderam Hulu	• Majapahit

**S7** Kerajaan A dan B adalah contoh kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu.

Kerajaan A dan B merujuk kepada

- A     kerajaan kecil dan empayar
- B     kerajaan besar dan empayar
- C     kerajaan kecil dan kerajaan besar
- D     kerajaan besar dan kerajaan kecil

Soalan 8 berdasarkan Jadual 2

Jadual 2

Aktiviti Ekonomi	Ekonomi sara diri dan aktiviti pertanian
Teknologi peralatan	Alatan berasaskan batu (semakin licin), alat-alat tembikar, alatan dari tulang dan cengkerang.
Kawasan penempatan	Gua Musang, Kelantan, Gua Kepah, Kedah, Gua Madai, Sabah dan lain-lain.

**S8** Jadual 2 merujuk kepada zaman

- A     logam
- B     neolitik
- C     mesolitik
- D     paleolitik

S9 Berikut merupakan sistem yang diamalkan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

- A Sultan, Pembesar Empat, Pembesar Lapan, Pembesar Dua Belas
- B Sultan, Pembesar Lapan, Pembesar Empat, Pembesar Tiga Puluh Dua
- C Pembesar Empat, Pembesar Dua Belas, Sultan, Pembesar Tiga Puluh Dua
- D Sultan, Bendahara, Syahbandar, Pembesar bergelar Raja, Pembesar peringkat rendah

S10 Dalam masyarakat Melayu tradisional terdapat dua golongan pembesar.

Siapakah pembesar di peringkat tempatan?

- A Penghulu
- B Laksamana
- C Temenggung
- D Panglima Besar

Soalan 11 berdasarkan Pernyataan 1 di bawah

Pernyataan 1

Negeri Melaka tersangat masyhur dan berfaedah sehingga pada pendapat saya tidak ada bandingannya di dalam dunia.... ia adalah sebuah bandar raya tempat memasarkan barang-barang dagangan yang lebih sesuai daripada bandar raya yang lain di dunia

(Sumber: *Suma Oriental*)

S11 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada pendapat seorang ahli pelayaran tentang kemunculan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan di Nusantara. Ahli pelayaran tersebut ialah

- A Pliny
- B Ptolemy
- C Tom Pires
- D Duarte Barbosa

S12 Apakah ciri sosio-politik Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke 15?

- A Pengamalan pentadbiran secara demokrasi
- B Warisan daripada Kesultanan Majapahit di Pulau Jawa
- C Pentadbiran dipengaruhi oleh Hinduisme dan Buddhisme
- D Raja penentu kepada kemajuan dan kemunduran sesebuah kerajaan

**S13** Kolonialisme ditakrifkan sebagai

- A dasar penjajahan yang mementingkan imperialisme
- B bentuk penguasaan masyarakat kepada masyarakat lain
- C bentuk pemerintahan kuasa asing dalam menjalankan polisi imperialisme
- D kawalan kuasa ke atas sesebuah negara dengan secara langsung ataupun tidak

**S14** Dasar penjajahan ‘pecah dan perintah’ yang diamalkan British sewaktu memerintah negara ini berkait rapat dengan konsep

- A zionisme
- B kapitalisme
- C imperialisme
- D kolonialisme

**S15** Nama pegawai British yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tanda tangan persetujuan Raja-Raja Melayu berhubung pembentukan Malayan Union ialah

- A J. W. W Birch
- B Edward Gent
- C Gerald Templer
- D Harold Mac Michael

**S16** Episod awal campur tangan British di Tanah Melayu bermula dengan peristiwa

- A Perjanjian Inggeris – Belanda
- B Francis Light menduduki Pulau Pinang
- C Stamford Raffles menduduki Singapura
- D Perjanjian Burney di antara British dan Siam

**S17** Pilih padanan yang salah.

	Kuasa Penjajah	Tempoh Masa Penjajahan
A	Jepun	4 Tahun
B	British	120 Tahun
C	Belanda	183 Tahun
D	Portugis	130 Tahun

**S18** Apakah kelemahan **utama** sistem pendidikan di Tanah Melayu semasa penjajahan British?

- A Bilangan sekolah adalah terhad
- B Tidak ada dasar pelajaran kebangsaan
- C Kegiatan ko-kurikulum tidak dititik beratkan
- D Bahasa Melayu tidak diajar di semua sekolah

**S19** Yang manakah **bukan** merupakan aliran nasionalisme berpunca daripada pendidikan Inggeris?

- A Senior Cambridge
- B Penang Free School
- C Maktab Perguruan Sultan Idris
- D Maktab Melayu Kuala Kangsar

**S20** Apakah keputusan penting yang dicapai oleh Kongres Persatuan Melayu yang diadakan pada tahun 1946?

- A Pembentukan sebuah Malayan Union
- B Memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu
- C Penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
- D Meningkatkan penyertaan Melayu di dalam bidang politik

**S21** Apakah pembaharuan pentadbiran yang dijalankan oleh Jepun semasa menjajah Tanah Melayu?


- A Jepun mengamalkan pentadbiran secara berpusat
- B Jepun menubuhkan tentera Melayu bagi melawan komunis
- C Jepun menyerahkan Kelantan, Terengganu dan Pahang kepada Thailand
- D Jepun menggabungkan Tanah Melayu dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran

**S22** Usaha awal British untuk campur tangan di dalam politik negeri-negeri Melayu wujud semasa

- A Perjanjian Pangkor
- B Perjanjian Bangkok
- C Perjanjian Persekutuan
- D Perjanjian Inggeris-Belanda

Soalan 23 berdasarkan Rajah 1

Rajah 1



**S23** Rajah di atas menunjukkan negeri-negeri paling awal yang menerima pengaruh British di Tanah Melayu mengikut kronologi. X dan Y merujuk kepada

	X	Y
A	Perak	Negeri Sembilan
B	Singapura	Pahang
C	Singapura	Perak
D	Negeri Sembilan	Pahang

S24 Tugas **utama** penasihat Inggeris yang dipanggil Residen ialah

- A bertindak sebagai pentadbir utama sesebuah negeri dan wajib dipatuhi rakyat
- B menasihati sultan dalam hal ehwal pentadbiran kecuali adat istiadat dan agama Islam
- C campurtangan dalam adat istiadat dan agama Islam serta memunggut cukai menggantikan tugas pembesar
- D mentadbir negeri secara lebih sistematik dan menjimatkan kos serta meningkatkan hasil kekayaan negara

S25 Berikut merupakan nasionalis Melayu yang berjuang melalui bidang akhbar dan kewartawanan **kecuali**

- A Abdul Rahim Kajai
- B Abdul Samad Ahmad
- C Syed Sheikh Ahmad al-Hadi
- D Tan Sri Hajjah Zainon Munshi Sulaiman

S26 Tokoh yang **tidak** mengetuai pemberontakan di negeri Pahang ialah

- A Mat Kilau
- B Tok Gajah
- C Tok Janggut
- D Dato' Bahaman

S27 Siapakah di antara berikut merupakan tokoh perjuangan menentang British di negeri Sabah?

- A Mat Salleh
- B Mat Kilau
- C Tok Naning
- D Tok Janggut

S28 Apakah sebab **utama** kebangkitan orang Melayu menentang Malayan Union?

- A Bukan bumiputera turut menikmati hak-hak istimewa seperti bumiputera
- B Sir Edward Gent menggunakan ugutan untuk mendapatkan persetujuan daripada raja-raja Melayu
- C Perlembagaan Malayan Union digubal tanpa mengambil kira pandangan orang Melayu terlebih dahulu
- D British bertindak menahan para pemimpin Melayu yang mengetuai kebangkitan rakyat menentang Malayan Union

## Soalan 29 berdasarkan Jadual 3

Jadual 3

Simbol	Peristiwa
O	Malayan Union
P	Suruhanjaya Reid
Q	Pilihanraya Persekutuan
R	Persekutuan Tanah Melayu

S29 Susun peristiwa-peristiwa berikut mengikut kronologi

- A O, Q, P dan R
- B P, O, R dan Q
- C O, R, Q dan P
- D P, O, Q dan R

S30 Manakah antara perkara berikut bukan merupakan hasil persetujuan misi kemerdekaan ke London?

- A Rakyat di Tanah Melayu diberi dua taraf kerakyatan
- B Tanah Melayu dimasukkan dalam lingkungan Komenwel
- C British mendapat hak menempatkan tenteranya di Tanah Melayu
- D Penubuhan sebuah badan khas bagi menggubal Perlembagaan Tanah Melayu

S31 Eksplotasi dan dominasi secara tidak langsung oleh kuasa-kuasa imperialisme hari ini lebih dikenali sebagai

- A sekularisme
- B kolonialisme
- C neo-kolonialisme
- D neo-imperialisme

Soalan 32 berdasarkan Pernyataan 2 di bawah

Pernyataan 2

Kejasama UMNO-MCA → Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952

S32 Berapakah jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti di atas?

- A 8 kerusi
- B 9 kerusi
- C 10 kerusi
- D 12 kerusi

S33 Apakah yang dimaksudkan dengan kerakyatan naturalisasi?

- A Diperoleh melalui permohonan yang dibuat
- B Diperoleh secara kuat kuasa undang-undang.
- C Dianugerahkan oleh kerajaan atas kejayaan yang dicapai
- D Diluluskan oleh Yang Dipertuan Agong kerana telah berjasa

S34 Pihak British telah bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Dimanakah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah membuat perisytiharan tarikh kemerdekaan tersebut?

- A Bandar Hilir, Melaka
- B Stadium Negara, Kuala Lumpur
- C Stadium Merdeka, Kuala Lumpur
- D Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur

S35 Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ditubuhkan di Singapura pada Julai 1961.

Apakah fungsi penubuhan jawatankuasa berkenaan?

- A Merangka perlumbagaan baru bagi Persekutuan Malaysia
- B Mengkaji sebab-sebab Brunei enggan menyertai Malaysia
- C Meninjau pandangan penduduk Singapura tentang gagasan Malaysia
- D Menerangkan konsep gagasan Malaysia kepada penduduk Sabah dan Sarawak

**S36** Sebab **utama** pemimpin-pemimpin politik di Sabah dan Sarawak menentang gagasan Malaysia di peringkat awal kerana

- A bimbang persaingan ekonomi dari Singapura
- B tidak yakin dengan kandungan Perlembagaan Malaysia 1957
- C tidak mahu membangkitkan kemarahan Indonesia dan Filipina
- D jangkaan bahawa Tanah Melayu akan menguasai Sabah dan Sarawak secara mutlak

**S37** Apakah yang dimaksudkan dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

- A Undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- B Undang-undang tertinggi yang tidak boleh dipinda yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- C Undang-undang tertinggi yang boleh dipinda sewenang-wenangnya yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- D Undang-undang tertinggi yang digubal oleh parti yang memenangi pilihan raya yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan

Soalan 38 berdasarkan Pernyataan 3 di bawah

Pernyataan 3

- Diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak Hussein
- Dicetuskan ekoran berikutan peristiwa 13 Mei 1969
- Mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu membasi kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat

**S38** Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Dasar Ekonomi Baru
- B Dasar Wawasan Negara
- C Dasar Pecah dan Perintah
- D Dasar Pembangunan Nasional

**S39** Organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa perundangan kerajaan Persekutuan ialah

- A Kabinet
- B Parlimen
- C Kementerian
- D Dewan Rakyat

**S40** Apakah perkara yang termasuk di dalam Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan?

- A Kesihatan
- B Pelancongan
- C Pertanian dan perhutanan
- D Perlindungan binatang dan burung liar

**S41** Manakah di antara berikut menerangkan doktrin pengasingan kuasa?

- A Pengasingan kuasa di antara kementerian-kementerian
- B Pengasingan kuasa di antara ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat
- C Pengasingan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- D Pengasingan kuasa di antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman

**S42** Demokrasi berparlimen merupakan satu konsep yang mendaulatkan kebebasan setiap rakyat dalam menentukan pucuk kepimpinan negara.

Apakah ciri **utama** konsep berkenaan?

- A Mengadakan sidang parlimen
- B Mengadakan pilihanraya bebas
- C Melantik Perdana Menteri dalam kalangan rakyat
- D Mengamalkan kawal imbang kuasa badan pemerintah

Soalan 43 berdasarkan Pernyataan 3

Pernyataan 3

- Membentuk sebuah negara bangsa bersatu padu
- Membentuk masyarakat bersifat sains serta progresif
- Menjamin pembentukan masyarakat yang adil ekonominya

**S43** Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Wawasan 2020
- B Pelan Induk Perindustrian
- C Dasar Perpaduan Nasional
- D Dasar Pembangunan Nasional

- S44** Pada peringkat manakah sesuatu rang undang-undang akan dikemukakan kepada Dewan Rakyat untuk diluluskan selepas kajian terperinci dilaksanakan?
- A Bacaan Kali Kedua
  - B Bacaan Kali Ketiga
  - C Bacaan Kali Pertama
  - D Peringkat Jawatankuasa
- S45** Apakah langkah yang diambil di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 untuk membasmi kemiskinan?
- A Mengurangkan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi
  - B Pembangunan sumber manusia bagi mewujudkan tenaga yang cekap
  - C Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
  - D Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan melalui teknik moden
- S46** Pembasmian kemiskinan dalam Dasar Wawasan Negara adalah berfokus kepada kemiskinan
- A relatif
  - B mutlak
  - C relatif dan mutlak
  - D bandar dan pedalaman

Soalan 47 berdasarkan Jadual 4 di bawah

Jadual 4

<b>Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP)</b>		<b>Dasar yang berkaitan</b>	
I	RRJP 1	X	Dasar Wawasan Negara
II	RRJP 2	Y	Dasar Ekonomi Baru
III	RRJP 3	Z	Dasar Pembangunan Nasional

- S47** Padanan manakah yang **betul** antara Rangka Rancangan Jangka Panjang dengan dasar yang berkaitan
- A I : Y, II : Z dan III : X
  - B I : Y, II : X dan III : Z
  - C I : X, II : Y dan III : Z
  - D I : Z, II : X dan III : Y

**S48** Wawasan 2020 telah diumumkan dalam persidangan pertama Majlis Perniagaan Malaysia dalam kertas kerja bertajuk

- A *A Future of Malaysia*
- B *Malaysia: One Step Ahead*
- C *Malaysia, The Way Forward*
- D *The Way Forward of Malaysia*

**S49** Kejayaan Malaysia menjadi anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) melambangkan hubungan yang berbentuk

- A bilateral
- B trilateral
- C unilateral
- D multilateral

**S50** Dua konsep utama yang diamalkan dalam pemerintahan di Malaysia ialah

- A Kerajaan Berpelembagaan dan Raja Mutlak
- B Raja Mutlak dan Presiden Berpelembagaan
- C Demokrasi Terpimpin dan secara Autoritarian
- D Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen

Soalan 51 berdasarkan Pernyataan 4 dibawah

Pernyataan 4

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP 1) mengambil masa selama 20 tahun untuk dilaksanakan.

**S51** Berdasarkan pernyataan di atas, bilakah RRJP 1 dilaksanakan?

- A Rancangan Malaya Ke-2 sehingga Rancangan Malaysia Ke-3
- B Rancangan Malaysia Ke-3 sehingga Rancangan Malaysia Ke-6
- C Rancangan Malaysia Ke-2 sehingga Rancangan Malaysia Ke-5
- D Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Ke-4

**S52** Rancangan Malaysia Ke-2 dilaksanakan dari tahun

- A 1976-1980
- B 1966-1970
- C 1970-1975
- D 1971-1975

- S53** Yang berikut merupakan fokus strategi Dasar Pembangunan Nasional **kecuali**
- A membasmi kemiskinan mutlak disamping mengurangkan kemiskinan relatif
  - B meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat
  - C mewujudkan guna tenaga dan pembangunan yang pesat dalam sesebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
  - D mengalih tumpuan daripada sebuah negara yang berorientasikan pertanian kepada negara yang berorientasikan perdagangan
- S54** Dalam menangani masalah hubungan antara kaum pasca kemerdekaan, kerajaan telah menukuuhkan
- A Jabatan Kerjasama Antara Negeri
  - B Jabatan Perhubungan Antara Kaum
  - C Jabatan Perpaduan Negara dan Pluralisasi Kaum
  - D Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional

Soalan 55 berdasarkan Jadual 5 dibawah

Jadual 5

<b>Huraian</b>		<b>Cabaran</b>	
O	Rakyat yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan memandang ke depan	X	Ke-4
P	Rakyat yang mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh	Y	Ke-5
Q	Rakyat yang bebas mengamalkan idea, Kebudayaan dan kepercayaan masing-masing	Z	Ke-6

- S55** Jadual di atas adalah merujuk kepada huraian-huraian cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020

Padankan huraian dan cabaran berkenaan

- A O:Z, P:Y dan Q:X
- B O:Y, P:Z dan Q:X
- C O:Z, P:X dan Q:Y
- D O:X, P:Y dan Q:Z

S56 Pernyataan yang berikut adalah benar tentang budaya inovasi dalam nilai-nilai aspirasi 1Malaysia kecuali

- A kesediaan rakyat Malaysia mencuba perkara baharu dan berinovasi
- B kesediaan rakyat Malaysia menerima perubahan dengan persetujuan bersama
- C kesediaan rakyat Malaysia mencari jalan penyelesaian baharu dalam menangani masalah
- D kesediaan rakyat Malaysia menerima perubahan ekstrem yang di luar daripada kelaziman budaya

S57 Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan

- A pusat pengeluaran barang berteraskan teknologi maklumat
- B wilayah bestari yang mengutamakan ciptaan teknologi terkini
- C pusat latihan sumber manusia berteraskan sains dan teknologi
- D kawasan berdaya saing dalam pembangunan teknologi maklumat

S58 Manakah di antara kenyataan berikut **tidak benar** mengenai penubuhan Sekolah Bestari?

- A Salah satu projek Koridor Raya Multimedia
- B Pelajar-pelajar diberi kebebasan untuk memilih mata pelajaran yang ingin diambil
- C Bagi melahirkan warganegara yang kritis, inovatif, berketerampilan dan berakhhlak mulia
- D Bagi melahirkan warganegara yang mampu menghadapi dan memberi sumbangan kepada negara berteraskan sains dan teknologi

S59 FELDA lahir daripada fikiran dan daya usaha

- A Tun Hussein Onn
- B Tun Abdul Razak Hussein
- C Tun Dr. Ismail Abd Rahman
- D Tun Dr. Mahathir Mohamad

S60 Yang manakah dasar yang diwujudkan untuk mengatasi masalah antara sektor swasta dengan sektor awam?

- A Dasar Penswastaan
- B Dasar Pandang ke Timur
- C Dasar Perindustrian Negara
- D Dasar Pensyarikatan Malaysia

- S61** Isu pembakaran Jalur Gemilang dan penghinaan lagu *Negaraku* adalah beberapa contoh peristiwa yang menunjukkan Malaysia mempunyai \_\_\_\_\_ daripada dalam negara sendiri.
- A kejayaan  
B ancaman  
C kelemahan  
D perpaduan
- S62** Tema-tema yang berikut pernah digunakan semasa menyambut hari kemerdekaan negara **kecuali**
- A Keranamu Malaysia  
B Malaysiaku Gemilang  
C Malaysia Tanahair Tercinta  
D Negara Kita Tanggungjawab Kita
- S63** Apakah faktor-faktor utama yang membawa kepada keagungan kerajaan Melayu Melaka?
- I Pemimpin yang adil dan bijaksana  
II Pusat agama Islam dan budaya Melayu  
III Hubungan Melaka dengan kuasa-kuasa besar seperti China dan Siam  
IV Kedudukan geografinya yang terletak di antara pusat-pusat perdagangan
- A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D Semua di atas
- S64** Antara faktor berikut, yang manakah mempengaruhi kejatuhan kerajaan Melayu Melaka?
- I Aktiviti penjelajahan orang Eropah  
II Perpecahan dalam kalangan rakyat jelata  
III Kelemahan pucuk pimpinan dan pembesar-pembesar tempatan  
IV Kejatuhan ekonomi kerajaan akibat pelabuhan Melaka yang tidak dikunjungi pedagang-pedagang asing
- A I dan IV  
B II dan III  
C I, II dan IV  
D Semua di atas

**S65** Antara faktor berikut yang manakah membolehkan campur tangan British di Selangor pada tahun 1874?

- I Peranan yang dimainkan oleh Sir Andrew Clarke
  - II Penglibatan Sultan Abdul Samad dalam perbalahan untuk menguasai daerah Klang
  - III Perbalahan antara dua kumpulan pelombong Cina, iaitu Kah Yew Chew dan Pei Chew
  - IV Perbalahan antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi untuk menguasai daerah Klang
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S66** Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan?

- I Mengikut sistem pentadbiran yang diamalkan di India
  - II Melaksanakan dasar dekolonialisasi yang diingini British
  - III Melatih pegawai-pegawai tempatan dalam pentadbiran
  - IV Mengurangkan tekanan daripada Parti Komunis Malaya
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

**S67** Antara berikut yang manakah perkara-perkara yang dipersetujui dalam perundingan antara UMNO - Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?

- I UMNO membuka keahlian kepada semua kaum
  - II Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
  - III Pilihan Raya akan diadakan diperingkat perbandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)
  - IV Kerakyatan Negeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

**S68** Parti Perikatan Sarawak telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1962. Antara berikut, yang manakah mencerminkan perjuangan parti tersebut?

- I      Menyokong perjuangan SUPP
  - II     Menentang penubuhan Malaysia
  - III    Berusaha menyekat pengaruh SUPP
  - IV    Menyokong Sarawak menyertai Malaysia
- A    I dan II
  - B    I dan IV
  - C    II dan III
  - D    III dan IV

**S69** Salah satu keunikan tentang kemerdekaan negara ialah dicapai melalui meja perundingan dan tidak menumpahkan darah. Hal ini membuktikan bahawa

- I      negara mempunyai pemimpin yang berkaliber
  - II     pendidikan Barat membentuk kepemimpinan berwibawa
  - III    sikap bekerjasama dan tolak ansur antara pemimpin kaum
  - IV    perpaduan dan kata sepakat masyarakat yang berbilang kaum
- A    I, II dan III
  - B    I, II dan IV
  - C    I, III dan IV
  - D    II, III dan IV

**S70** Antara berikut manakah faktor-faktor sosial dalam pembentukan Malaysia?

- I      Memperlihatkan kesepakatan dan semangat setiaawan
  - II     Menyegerakan kemerdekaan bagi negeri-negeri anggota
  - III    Mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan penduduk
  - IV    Penduduk negara anggota mempunyai taraf hidup sama rata
- A    I, II dan III
  - B    I, II dan IV
  - C    I, III dan IV
  - D    II, III dan IV.

Soalan 71 berdasarkan Pernyataan 5 dibawah

Pernyataan 5

**Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak dalam penyertaan ke dalam Malaysia**

S71 Apakah hasil tinjauan tersebut?

- I Satu pertiga penduduk menyokong dengan syarat
  - II Satu pertiga penduduk menyokong gagasan Malaysia
  - III Satu pertiga penduduk tidak menyokong gagasan Malaysia
  - IV Satu pertiga penduduk inginkan kemerdekaan terlebih dahulu
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

S72 Bagaimakah Jawatankuasa Antara Kaum (JAK) berperanan memperincikan cadangan dari Suruhanjaya Cobbold?

- I Menjanjikan kemerdekaan segera
  - II Menerangkan penubuhan Malaysia
  - III Membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak
  - IV Membentuk perlembagaan baru berdasarkan cadangan Suruhanjaya Cobbold
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

S73 Yang manakah antara berikut merupakan nilai-nilai aspirasi yang terkandung dalam konsep 1Malaysia?

- I Ilmu
  - II Ketepatan
  - III Ketaohan
  - IV Berprestasi tinggi
- A I dan IV
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S74** Apakah peranan anda sebagai mahasiswa UTHM dalam memahami dan menghayati aspirasi negara dalam menjayakan konsep Gagasan 1Malaysia?

- I Mengamalkan integriti dan nilai murni dalam kehidupan sehari-hari
  - II Bekerjasama dan berbaik sangka dengan semua rakan-rakan walaupun berlainan etnik
  - III Menutup minda pada maklumat yang difikirkan boleh merosakkan keamanan dan keharmonian negara
  - IV Membantu pihak-pihak tertentu meluaskan anasir-anasir negatif yang bertujuan untuk merosakkan hubungan kaum di Malaysia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C III dan IV
  - D I, II dan III

**S75** Pernyataan manakah **benar** tentang konsep Islam Hadhari?

- I Mengutamakan pembinaan peradaban
  - II Meningkatkan daya saing umat Islam
  - III Menekankan kebendaan dalam kehidupan manusia
  - IV Memperjuangkan pembelaan hak kumpulan majoriti
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

**S76** Susun prinsip-prinsip Rukun Negara di bawah mengikut susunan yang **betul**.

- I Keluhuran Perlembagaan
  - II Kesopanan dan Kesusilaan
  - III Kepercayaan Kepada Tuhan
  - IV Kedaulatan Undang-undang
  - V Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- A I, V, IV, II dan III
  - B II, I, III, IV dan V
  - C III, V, I, IV dan II
  - D III, V, IV, I dan II

**S77** Susun semua peristiwa tersebut mengikut kronologi yang betul.

- I Rundingan Kemerdekaan
  - II Pilihanraya Umum Persekutuan yang pertama
  - III Pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
  - IV Pilihanraya Majlis Perbandaran George Town, Pulau Pinang
- 
- A IV, III, II dan I
  - B I, III, IV dan II
  - C IV, II, III dan I
  - D III, I, IV dan II

**S78** Kejayaan Malaysia dalam pembentukan negara moden dapat dilihat melalui

- I perpaduan kaum
  - II kematangan berpolitik
  - III pemantapan sektor ekonomi
  - IV pembangunan sains dan teknologi
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S79** Penghayatan yang kurang terhadap erti nasionalisme kini berpunca daripada

- I pengawasan ibu bapa yang ketat
  - II masyarakat yang bertambah meterialistik
  - III kerjasama dan kompromi antara kaum berkurangan
  - IV asas pengetahuan sejarah bangsa, agama dan negara yang kurang
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II, III dan IV

**S80** Berikut merupakan perkara-perkara sensitif dalam perlumbagaan yang tidak boleh dipersoalkan?

- I Agama Islam
  - II Pemerintahan beraja
  - III Kedudukan bahasa Melayu
  - IV Kedudukan Perdana Menteri
- 
- A I, II, dan III
  - B I, II, dan IV
  - C I, III, dan IV
  - D II, III, dan IV